



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2007**

**PERUBAHAN TARikh PENERIMAAN DATA DIGITAL
OLEH JUPEM NEGERI**

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA**

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Setiausaha Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia



IBU PEJABAT JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

(Director General of Survey and Mapping M)

TINGKAT 11, WISMA JUPEM
JALAN SEMARAK
50578 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Jabatan Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Telefon : 03-2692 5932

03-2617 0800

Fax : 03-2691 7457

E-Mail hamidali@jupem.gov.my

Web :

<http://www.jupem.gov.my>

Rujukan Kami : JUPEM 18/7/ 2.146 (6)

Tarikh : 30 April 2007

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

SURAT PEKELILING

KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

BILANGAN 1 TAHUN 2007

PERUBAHAN TARikh PENERIMAAN DATA DIGITAL

OLEH JUPEM NEGERI

Merujuk kepada perkara di atas, JUPEM telah mewajibkan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) mengemukakan data ukuran kadaster berdigit sepenuhnya kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri. Arahan penghantaran data berdigit yang mengandungi 16 fail ASCII telah dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 11 Tahun 2005 bertarikh 29 September 2005.

2. JUPEM juga telah memperkenalkan modul *e-Submit* bertujuan membolehkan JTB menghasilkan data ukuran digital untuk dihantar ke JUPEM Negeri melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil. 1 Tahun 2006 bertarikh 29 Ogos 2006.

3. Pada masa kini, JUPEM sedang melaksanakan Projek eKadaster di mana di dalamnya terdapat komponen *Cadastral Control Infrastructure* (CCI). Komponen CCI ini akan dijalankan oleh JTB di mana JTB dikehendaki memajukan data ukur dalam bentuk berdigit. Bagi memastikan komponen CCI ini dapat dijalankan dengan licin dan berjaya, maka JUPEM telah mengambil keputusan untuk melanjutkan tempoh penghantaran data ukur berdigit oleh JTB tersebut sehingga akhir tahun 2007.

4. Oleh yang demikian, para 5.2 Pekeliling KPUP Bil. 11/2005 dan para 6 Surat Pekeliling KPUP Bil. 1/2006 adalah dipinda dengan menggantikan "**sehingga 30 Jun 2007**" kepada "**sehingga 31 Disember 2007**" manakala para 5.4 Pekeliling KPUP Bil. 11/2005 adalah dipinda dengan menggantikan "**Mulai 01 Julai 2007**" kepada "**Mulai 01 Januari 2008**".

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK HAMID BIN ALI)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan

Edaran Luaran:

Setiausaha
Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia